

# Kempen: PM bimbang Pas bawa kerosakan

Oleh KAMAL ZAILANI  
dan ZULKIFLEE BAKAR

**K**UALA LUMPUR 17 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) tidak bimbang dengan kemenangan pada pilihanraya akan datang tetapi lebih khuatir terhadap kerosakan besar yang akan dibuat oleh Pas sepanjang proses berkempen.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin Pas akan menggunakan ceramah-ceramah pilihanraya parti itu untuk memfitnah, mencerca dan menimbulkan rasa benci rakyat terhadap BN, khususnya pemimpin-pemimpin UMNO.

“Soal kita bukan soal kemenangan tetapi kerosakan yang dibawa oleh Pas dalam pilihanraya. Saya pasti Pas akan pergi merata tempat, menyebarkan fitnah dan membohongi rakyat,” katanya.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini, Presiden UMNO itu menegaskan, pengikut-pengikut Pas nampaknya begitu taksud sehingga ada yang menganggap pe-

mimpin mereka mempunyai keistimewaan tertentu dan kalau buat silap pun, ia tidak salah.

Kata Dr. Mahathir, kerana ketaksuduan itu, sampai hari ini Pas menganggap pemimpin-pemimpin parti itu yang terlibat dengan kes tertentu, tidak bersalah.

Menjawab pertanyaan sama ada sudah sampai masanya kerajaan mengharamkan penggunaan perkataan Islam dalam parti Pas, Dr. Mahathir menegaskan, tindakan itu tidak akan menyelesaikan kerosakan yang telah dibuat oleh Pas terhadap imej Islam.

Beliau berkata, rakyat harus menolak Pas dalam pilihanraya akan datang bagi menyedarkan pemimpin-pemimpinnya bahawa parti itu telah banyak mencemarkan agama Islam.

Pemimpin-pemimpin Pas, kata Dr. Mahathir, sebenarnya tidak layak langsung diiktiraf sebagai tok guru atau ulama.

“Dalam Pas semuanya dipanggil ulama. Ini yang menyebabkan per-

■Lihat muka 2

# Kempen: PM bimbang Pas bawa kerosakan

kataan Tok Guru dan Ulama itu tidak ada harga dan makna sama sekali. Inilah yang menjejaskan imej Islam," katanya.

Beliau berkata, banyak bukti tentang tingkahlaku Pas mencemarkan kesucian masjid dikemukakan pada mesyuarat MT.

Ini, katanya, termasuk cara Pas memasang kaset ucapan bekas Naib Ketua Pemuda, Mohamad Sabu dalam masjid sebelum sembahyang Jumaat.

Kata Dr. Mahathir, UMNO begitu sedih kerana ucapan-ucapan yang didengarkan ini penuh dengan maki hamun.

"Pas telah mencemarkan agama Islam sepenuhnya. Dia tidak ambil kira langsung masjid...rumah Allah ini tidak dihormati," katanya.

Ditanya adakah kerajaan akan terus membiarkan Pas melemparkan fit-

nah dan menimbulkan kerosakan di kalangan rakyat, Dr. Mahathir berkata: "UMNO akan menjalankan kempen lebih agresif mulai sekarang untuk menangkis pelbagai tuduhan Pas.

"Nampaknya menjelang pilihanraya umum akan datang, kempen-kempen Pas semakin keterlaluan."

Dr. Mahathir berkata, UMNO terpaksa berbuat demikian kerana Pas sengaja menggunakan taktik menakut-nakutkan orang Melayu supaya tidak menyokong UMNO dengan menggunakan isu agama.

"Bila sampai dekat pilihanraya, dia punya tuduhan tak ada had lagi. Mereka tidak peduli apa yang mereka kata, sama ada secucuk dengan agama atau tidak," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, masalah yang diha-

dapi oleh UMNO dan kerajaan sekarang ialah ketaksuban penyokong Pas yang tetap menganggap bahawa Pas itu Islam dan Islam itu Pas.

"Sehingga kalau kita tunjuk kepada mereka bagaimana salahnya pemimpin mereka, mereka masih juga berkeras untuk mengaku Pas itu adalah Islam dan Islam itu adalah Pas.

"Kalau tak masuk Pas kita akan masuk neraka dan kalau Pas masuk syurga," katanya.

Dr. Mahathir juga mempertikaikan hak Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat yang menuduh UMNO tidak Islam.

"Walaupun Nik Aziz kata dia tidak tuduh UMNO tidak Islam tetapi baru-baru ini dia buat kenyataan yang sama dengan mengatakan bahawa UMNO ini tidak Is-

lam, kalau Islam barulah dia hendak membubarkan Pas," katanya.

Ditanya mengenai pelawaan Pas untuk bermuzakarah dengan UMNO, Dr. Mahathir berkata, sekarang bukannya masa yang sesuai untuk bermuzakarah.

"Kita tahu muzakarah Pas bukan bertujuan hendak membetulkan sesiapapa...parti itu cuma hendak mendakwa dia betul. Walaupun kita tunjuk ini putih, dia tetap kata hitam," katanya

Mengenai saranan Nik Aziz agar UMNO dan Pas saling nasihat menasihati di antara satu sama lain, beliau berkata, UMNO telah berkali-kali menasihatkan parti itu tetapi tidak dipedulikan.

Untuk itu, katanya, amat tidak adil bagi Pas untuk memaksa UMNO mendengar pendapat mereka mengenai isu kafir-mengkafir "kerana kita bukan kafir."